



TEKS UCAPAN

YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK
SARAWAK-SABAH LINK ROAD

HUJUNG JALAN LONG SEBANGANG/
BUKIT BERIKAU,
LAWAS, SARAWAK

05 NOVEMBER 2019
SELASA

Terima Kasih kepada pengacara majlis

Salutasi Tetamu Kehormat.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha,

Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Ir. Kamaluddin bin Abdul Rashid

Timbalan Ketua Pengarah (Pakar),

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Yang Berusaha Ar. Zairul Azidin bin Badri
Timbalan Ketua Pengarah (Bangunan),
Jabatan Kerja Raya Malaysia

Yang Berusaha Ir. Haji Zulakmal bin Haji
Sufian
Timbalan Ketua Pengarah (Infra),
Jabatan Kerja Raya Malaysia

Yang Berusaha Ir. Mat Rosly bin Mat Daud
Setiausaha Bahagian Perancang Jalan,
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin
Abdullah
Setiausaha Bahagian Pembangunan dan
Penswastaan,
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Ahli – ahli Yang Berhormat

**Dif – dif jemputan dari Agensi Persekutuan,
Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah**

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Rakan – rakan pengamal media

YBhg. Dato’-Dato’ dan Datin-Datin

Tuan – tuan dan puan – puan

Hadirin yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera, Salam Sayangi Malaysiaku

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi bersama-sama meluangkan masa dalam ***Majlis Pelancaran Projek Sarawak-Sabah Link Road*** pada hari yang amat bersejarah ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelangsungan majlis pelancaran ini.

Hadirin sekalian,

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

2. Kerajaan amat komited dalam memastikan pembangunan yang holistik dan saksama untuk semua serta merapatkan jurang pendapatan di Malaysia sejajar dengan Dasar ***Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)*** yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 5 Oktober lalu. Warisan Kemakmuran Bersama ini merupakan kerangka halatuju Negara bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2030.

3. Matlamat utama ***Wawasan Kemakmuran Bersama*** ini adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030. Selain itu, ia juga adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (*equitable growth*) di setiap peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantaian bekalan sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030.

4. Justeru, ***Projek Sarawak-Sabah Link Road*** yang akan dilancarkan sebentar lagi pada pagi ini amat bertepatan dengan inisiatif ini serta mendukung matlamat dan objektif **Wawasan Kemakmuran Bersama** ini.

LATAR BELAKANG PROJEK

5. **Projek Sarawak-Sabah Link Road** atau dikenali dengan nama singkatan **SSLR** ini adalah jalan raya penghubung negeri Sarawak dan Sabah yang tidak melalui negara Brunei Darussalam. Ianya akan menghubungkan **14 bandar utama** di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah dengan panjang keseluruhan jajaran sepanjang **425 kilometer**, iaitu

250 km jalan utama dari **Lawas ke Long Lama**, dan **175 km** jalan susur (spur road) yang menghubungkan **Long Semado, Ba'Kelalan, Bario, Long Pesia dan Nanga Mendamit.**

Hadirin sekalian,

6. Selama lebih **56 tahun** selepas pembentukan Malaysia, ini adalah **julung-julung kalinya Kerajaan Persekutuan meluluskan projek pembinaan jalan raya bertar** yang merupakan '*last frontier*' yang menghubungkan kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah, menggantikan laluan balak sedia ada.

7. SSLR juga merupakan *jalan perhubungan darat pertama yang menghubungkan Sarawak dan Sabah tanpa melalui negara Brunei*. Ini sudah pastinya memudahkan perjalanan pengguna jalan raya yang tidak perlu *melalui pemeriksaan keselamatan sempadan di pos kawalan Imigresen Malaysia-Brunei* sebanyak *lapan kali* sekiranya menggunakan jajaran jalan pantai sedia ada dan jajaran Lebuhraya Pan Borneo. Masalah berkaitan imigresen di pintu sempadan yang telah lama membelenggu pengguna jalan raya disini akan ditangani sekaligus meningkatkan keselesaan, keselamatan dan taraf perhubungan jalan raya kepada rakyat setempat.

8. Pembaharuan ini mungkin satu ***fantasi*** bagi rakyat di pedalaman Sarawak. Namun, Kerajaan Persekutuan berjaya merealisasikannya menjadi ***realiti*** dan memastikan rakyat dapat ***menikmati Kemakmuran Bersama***. Sebagai anak orang Ulu Sarawak, inilah yang saya impikan selama ini. Sekarang ini, kita terpaksa menggunakan kereta ‘*four wheel drive (4WD)*’ dengan penggunaan tayar ‘*off-road*’ untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di kawasan pedalaman, dan ini memakan masa yang agak panjang. Selepas ini, dengan terlaksananya projek ini, pergerakan kita akan menjadi lebih mudah, cepat dan selamat, malah ***kereta kancil*** pun boleh digunakan untuk memasuki kawasan pedalaman ini.

9. Disamping itu juga, jajaran SSLR ini dijangka akan ***mentransformasikan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup*** penduduk di kawasan sepanjang jajaran SSLR ini, terutamanya Lawas. Pembangunan infrastruktur jalan raya berimpak tinggi ini adalah ***titik tolak transformasi*** kawasan ini yang akan meletakkannya sama tinggi dengan wilayah lain yang sudah lama berada di hadapan ketika ini. Kewujudan jajaran ini adalah signifikan dalam ***membawa pembangunan infrastruktur lain seperti pendidikan, kesihatan, bekalan air dan elektrik*** dan memacu kemajuan di kawasan ini. Rakyat di sini akan menikmati kemudahan asas berkualiti yang telah lama dikecapi oleh rakyat di kawasan lain.

10. Teringat dalam lipatan sejarah zaman persekolahan saya dahulu, saya perlu berjalan selama 3 ke 4 hari untuk ke sekolah dari Ba'kelalan dengan bekalan beras Adan dan garam, kemudian tinggal di asrama sekolah demi menuntut ilmu. Namun kini, dengan terbinanya jajaran yang akan menghubungkan kawasan pedalaman di utara Sarawak ini, selepas ini murid-murid tidak perlu lagi ditempatkan di asrama sekolah kerana mereka sudah boleh berulang-alik dari rumah ke sekolah setiap hari.

11. Selain itu, jajaran SSLR yang akan bermula di Lawas dan berakhir di Long Lama ini, pastinya akan menjadi pemangkin ekonomi baharu di kawasan ini menerusi eko- pelancongan dan agro- pelancongan.
12. Di samping itu, projek SSLR ini juga adalah bahagian penting dalam pelan Jaringan Jalan Raya Transborneo yang akan melengkapkan rangkaian jalan raya di Borneo dan menambahbaik kesalinghubungan kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah ke Brunei dan Kalimantan, Indonesia

MAKLUMAT PROJEK

Hadirin sekalian,

13. Projek Sarawak-Sabah Link Road ini secara keseluruhannya melibatkan **425 kilometer** dan akan dilaksanakan secara berperingkat. Pakej 1 yang akan dilancarkan sebentar lagi akan bermula *dari Lawas melalui Long Sukang seterusnya ke Long Lopeng dan berakhir di Kampung Pa' Berunut*, melibatkan jumlah jajaran sepanjang **90 kilometer**. Manakala, pakej yang berikutnya akan melibatkan jajaran utama sepanjang **160 kilometer** bermula dari Kampung Pa' Berunut sehingga ke Long Lama dan jajaran jalan susur sepanjang **175 kilometer**. Anggaran **kos** bagi keseluruhan projek ini adalah sebanyak **RM5.2 bilion**.

14. Projek ini akan dimulakan dengan **Pakej 1 bermula dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut**, dengan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak **RM1.2 bilion**. Skop utama projek ini adalah melibatkan **pembinaan jalan baru tunggal dua hala sepanjang 90 kilometer** dari simpang Jalan Tun Hussein Onn, Lawas ke Long Sukang seterusnya ke Long Lopeng dan berakhir di Kampung Pa' Berunut dengan **piawaian JKR R3**. Antara **skop kerja lain** pula adalah **pembinaan jambatan, perparitan dan pemasangan lampu jalan**.

15. Sejak projek diluluskan dan dimulakan, JKR Malaysia dengan kerjasama JKR Sarawak telah bekerja keras menggembeleng tenaga dalam tempoh masa yang singkat bagi memastikan pelancaran projek ini dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat. Hasilnya, ***Surat Setuju Terima Perunding Kerja Ukur Tanah*** telah diserahkan kepada perunding yang berjaya dan sebentar lagi kita akan menyaksikan sesi Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara perunding terbabit dan JKR Malaysia.

16. Di sini juga dengan sukacitanya saya mengumumkan bahawa iklan tender pra-kelayakan bagi projek SSLR Pakej 1 juga akan mula disiarkan pada hari ini. Projek ini dijangka dapat dimulakan di tapak bermula pada bulan **Oktober 2020** dan siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Hadirin sekalian,

17. Projek - projek seumpama ini adalah bukti bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan cakna terhadap kehendak rakyat serta membuktikan Negeri Sarawak sentiasa diingati dalam peta pembangunan infrastruktur negara.

18. Saya amat yakin dan percaya bahawa projek berimpak tinggi ini akan memberi banyak manfaat serta merubah sosioekonomi penduduk Lawas khususnya, dan seluruh rakyat Sarawak secara amnya.
19. Besarlah harapan saya agar JKR Malaysia dengan kerjasama JKR Sarawak dapat memastikan pelaksanaan projek ini mengikut jadual dan menepati kualiti yang ditetapkan. Masyarakat setempat dan agensi tempatan juga diseru untuk sama-sama membantu dan memberi kerjasama bagi memastikan kelancaran projek.

20. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dengan ini saya dengan lafaz takzimnya merasmikan pelancaran Projek Sarawak – Sabah Link Road.

Sekian Terima kasih.

Disediakan bersama oleh;
Pejabat Menteri
Kementerian Kerja Raya